

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD**  
**HARUN NARRASHID**  
**KAWASAN : KOTA TINGGI**  
**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 43**

**SOALAN**

**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**  
minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**  
menyatakan strategi Malaysia dalam menghadapi tuntutan yang tinggi  
dalam perjanjian Malaysia-European Union Free Trade Agreement  
(MEUFTA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Dalam proses rundingan mana-mana FTA duahala atau pelbagaihala, ada beberapa perkara asas, yang tidak boleh ditolak ansur, atau dengan izin “*Non Negotiable*” bagi Malaysia. Perkara-perkara tersebut adalah;—

- Dasar dan peraturan yang melibatkan dasar-dasar kerajaan dan agenda-agenda khusus;
- Kuasa Kerajaan atau dengan izin "*Sovereign right*" untuk merumus dan melaksanakan dasar-dasar tertentu negara, untuk kepentingan rakyat dan negara.
- Apa juga perkara-perkara yang Kerajaan berhak untuk melaksanakan, yang selaras dengan peraturan pelbagaihala, seperti dalam WTO, untuk tujuan-tujuan tertentu, seperti objektif sosio ekonomi.

Berdasarkan kepada perkara-perkara asas yang tidak akan ditolak ansur ini, setiap Kementerian dan agensi diberi mandat, untuk merundingkan isu-isu di bawah kawalan mereka, sehingga tercapai persetujuan bagi kedua-dua belah pihak, yang akan memberi faedah kepada negara.

Seperti juga rundingan mana-mana FTA duahala, dengan negara-negara lain, Malaysia akan sentiasa memastikan, FTA dengan Kesatuan Eropah, akan memberi faedah kepada negara, terutama kepada syarikat-syarikat di Malaysia, yang mahu mendapatkan lebih pasaran di Kesatuan Eropah. Kerajaan juga sentiasa memastikan bahawa tuntutan negara yang merundingkan FTA dengan Malaysia perlulah seimbang dan selaras dengan objektif mengadakan rundingan serta matlamat dan aspirasi pembangunan negara. Dalam rundingan MEUFTA contohnya, Kerajaan sedar akan ketidaksamaan tahap pembangunan antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah yang membawa kepada 'uneven level playing field' terhadap tuntutan tertentu semasa proses rundingan. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus merundingkan fleksibiliti untuk memastikan kepentingan negara akan terus terpelihara.

Dalam proses rundingan, Kementerian-kementerian yang berkenaan, sentiasa mendapat input, dan panduan, daripada pihak berkepentingan contohnya bagi pembukaan pasaran input diperolehi daripada sektor swasta, khususnya sektor-sektor industri dan bisnes, yang secara langsung ada kaitan, dengan pembukaan pasaran di Kesatuan Eropah. Begitu juga dengan bidang-bidang lain seperti hak harta Intelek, buruh, alam sekitar dan sebagainya.

Semua input yang diterima oleh Kementerian dan agensi-agensi, akan menjadi asas kepada permintaan Malaysia terhadap Kesatuan Eropah, dan juga asas, kepada perunding-perunding Malaysia untuk merangka strategi dan membentuk pendirian Negara, kepada mana-mana permintaan Kesatuan Eropah kepada Malaysia. Ini adalah bagi memastikan kepentingan negara dipertahankan sementara mencapai satu perjanjian perdagangan bebas yang saling menguntungkan.